

PERINTIS PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030



TERAS STRATEGIK PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

TERAS STRATEGIK 1 - Memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan



Teras ini memberi tumpuan khusus untuk membangunkan rakyat yang patriotik dan demokratik melalui program peningkatan literasi dan penghayatan sistem demokrasi dan Perlembagaan Persekutuan. Usaha ini dilihat akan meningkatkan semangat patriotisme penghayatan jati diri bangsa. Peranan Parlimen sebagai platform perpaduan serta kepimpinan tauladan berteraskan ilmu dan menghormati sistem perundangan negara turut ditekankan.

TERAS STRATEGIK 2 - Membentuk masyarakat yang menghargai dan mengamalkan perpaduan



Matlamat utama teras ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan melalui pelbagai platform seperti menyemai nilai-nilai murni melalui pendidikan formal, mengukuhkan komunikasi di platform digital, merancang aktiviti bersifat sukarela dalam komuniti serta membina kepakaran dalam bidang perpaduan.

TERAS STRATEGIK 3 - Memperkasakan sosioekonomi yang adil dan saksama



Aspek sosioekonomi turut diberi perhatian di bawah teras ini dan dilaksanakan melalui dua (2) objektif iaitu mencipta peluang ekonomi untuk meningkatkan kemakmuran masyarakat dan mengukuhkan akses kebajikan yang adil dan saksama kepada golongan masyarakat yang memerlukan. Pelbagai strategi telah dirangka di bawah teras ini yang turut merangkumi penyediaan peluang ekonomi, meningkatkan penglibatan dan kebolehpasaran graduan serta mengukuhkan perlindungan dan bantuan kebajikan.

TERAS STRATEGIK 4 - Menjamin keterbukaan dan toleransi terhadap perbezaan agama dan tradisi kebudayaan



Objektif utama teras ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dan sifat saling menghormati pelbagai warisan budaya dan agama yang bercirikan kepelbagaian etnik. Ini boleh dicapai melalui pelbagai platform melalui sukan, seni dan budaya serta perkongsian nilai-nilai murni dalam setiap agama.

TERAS STRATEGIK 5 - Membina masyarakat progresif melalui sains, teknologi dan inovasi



Masyarakat progresif melalui penghayatan ilmu sains, teknologi dan inovasi dapat menyumbang kepada pembangunan negara melalui penyediaan persekitaran yang kondusif. Pendedahan awal mengenai sains, teknologi dan inovasi di peringkat pra-sekolah amat penting, begitu juga dengan membudayakan sains, teknologi dan inovasi di peringkat komuniti.



PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

#perpaduan #suatukebiasaan

📍 perpaduannegara 📍 PerpaduanNegara 📍 @PerpaduanNegara



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000
Emel: pro@perpaduan.gov.my



ASAS PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030




2 BAHAGIAN RUKUN NEGARA

Mukadimah Bahwasanya Negara kita, Malaysia mendukung CITA-CITA hendak:	Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;	Prinsip Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:	Kepercayaan Kepada Tuhan
	Memelihara satu cara hidup demokratik;		Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara
	Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;		Keluhuran Perlembagaan
	Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan		Kedaulatan Undang-undang
	Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.		Kesopanan Dan Kesusilaan

PERPADUAN KEFAHAMAN TERKINI

PERPADUAN (Unity) (diidamkan) untuk menzhahirkan perpaduan yang mempunyai matlamat - Detik-detik perpaduan - Detik-detik perbezaan	KESEPADUAN (Cohesion) (dicapai) untuk menunjukkan tahap pencapaian perpaduan - Setuju untuk bersetuju - Setuju untuk tidak bersetuju (Defisit Sosial) - Tawar-menawar, perundingan dan mediasi	PENYATUPADUAN (Reconciliation) (diusahakan) untuk menghasilkan pelan tindakan terancang - Tapak Integrasi
--	---	--

KLUSTER PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030



OBJEKTIF PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

- Menyediakan kerangka rujukan bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang etnik.
- Menjadikan pelan tindakan sebagai ukuran kejayaan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030.
- Memperkasakan cita-cita Rukun Negara sebagai pasak kepada Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 sesuai dengan usaha membangunkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

RINGKASAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030



SUSUR MASA KEFAHAMAN AWAL PERPADUAN

13 Mei 1969 Rusuhan keganasan etnik	14 Mei 1969 Darurat (Ordinan Darurat 1969)	16 Mei 1969 Parlimen digantung, Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)	1 Julai 1969 Jabatan Perpaduan Negara ditubuhkan	Jun-Ogos 1969 Siri Jamuan Durian, Pasar Muhibah
1 Julai 1972 Kementerian Perpaduan Negara wujud	1971-1975 DEB di bawah RMKe-2 meletakkan 'Perpaduan Negara' sebagai matlamat akhir	31 Ogos 1970 Rukun Negara diisytihar semasa Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-13 oleh YDP	April 1970 Social Science Research for National Unity: A Confidential Report to the Government of Malaysia (1970), biayaan Ford Foundation	17 Julai 1969 Majlis Muhibah (Pusat, Negeri, Daerah, Kawasan)

1 Rukun Negara

PENDEKATAN MEMBANGUNKAN PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA 2021-2030

2 Dasar-Dasar Sedia Ada

1. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030
2. Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)
3. Dasar Perpaduan Negara
4. Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030